

PERLIS

ENAKMEN 4 TAHUN 2006

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM 2006

BAHAGIAN VI-KEWANGAN

Zakat dan Fitrah

Seksyen 86. Kuasa Majlis memungut zakat dan fitrah

Majlis hendaklah berkuasa memungut zakat dan fitrah daripada setiap orang Islam yang kena dibayar di dalam Negeri Perlis mengikut Hukum Syarak bagi pihak Duli Yang Maha Mulia Raja Pemerintah.

Seksyen 87. Kuasa membuat peraturan-peraturan

(1) Majlis dengan persetujuan Duli Yang Maha Mulia Raja Pemerintah boleh membuat peraturan-peraturan untuk mengawalselia semua perkara yang berhubungan dengan pungutan, pentadbiran dan pembahagian zakat dan fitrah.

(2) Tanpa menjejaskan kuasa keseluruhan sebelum ini, Majlis boleh membuat peraturan-peraturan untuk-

- (a) menentukan dari semasa ke semasa nilai kadar zakat dan fitrah yang kena dibayar oleh setiap orang Islam di dalam Negeri Pedis;
- (b) mewujudkan tatacara pemungutan zakat dan fitrah;
- (c) melantik amil-amil bagi menjalankan pemungutan zakat dan fitrah; dan
- (d) mewujudkan kesalahan dan memperuntukkan hukuman bagi perkara-perkara yang berkaitan dengan pemungutan atau penyerahan hasil pungutan zakat dan fitrah.

Seksyen 88. Rayuan

(1) Mana-mana orang bolehlah membuat rayuan kepada Majlis terhadap mana-mana tuntutan bayaran zakat atau fitrah ke atasnya.

(2) Majlis hendaklah menimbangrayuan itudan boleh memerintahkan bahawa orang itu hendaklah membayar amaun zakat atau fitrah yang dituntut ke atasnya, atau amaun yang kurang, sebagaimana difikirkan patut oleh Majlis atau boleh memerintahkan bahawa orang itu tidak dikehendaki daripada membayar zakat atau fitrah di dalam sesuatu tahun.

(3) Keputusan Majlis terhadap rayuan itu adalah muktamad dan tidak boleh dipersoalkan lagi di dalam mana-mana mahkamah.